



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

## **TEKS UCAPAN**

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA**

**SEMINAR PENYELARASAN DAN  
PENGUATKUASAAN PENGGUNAAN  
PRODUK BIODEGRADASI  
DI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**INSTITUT LATIHAN DEWAN BANDARAYA  
KUALA LUMPUR (IDB)**

**19 NOVEMBER 2018 (ISNIN)  
JAM 9.00 PAGI**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Assalamualaikum**

**Warahmatullahi**

**Wabarakatuh dan Salam sejahtera**

**(Salutasi)**

1. Alhamdulillah, saya merafakkan setinggi-tinggi rasa syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izin, rahmat dan kurniaNya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam **SEMINAR PENYELARASAN DAN PENGUATKUASAAN PENGGUNAAN PRODUK BIODEGRADASI DI WILAYAH PERSEKUTUAN.**
2. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang hadir bagi menjayakan program pada hari ini.

3. Syabas dan tahniah juga diucapkan kepada pihak penganjur serta urus setia daripada Kementerian Wilayah Persekutuan, dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam penganjuran seminar ini. Kehadiran kita bersama membuktikan keprihatinan serta komitmen jitu dalam menyayangi, melindungi dan memelihara alam sekitar seperti kata pepatah daripada ***Native American Chief***, iaitu ***“We don’t inherit the Earth from our ancestors but we borrow it from our children”***.

**Para hadirin yang saya hormati sekalian,**

4. Kita semua sedia maklum tentang **ancaman penggunaan plastik konvensional dan polistirena** yang banyak memberikan kesan negatif terhadap kesihatan dan alam sekitar. Mungkin kita pernah terdengar tentang **beg**

**plastik konvensional** yang biasa kita gunakan selama ini, **mengambil masa beratus-ratus tahun untuk terurai**. Kemudian, ianya boleh **menghasilkan bahan toksik berbahaya atau partikel halus** yang menyerap masuk ke dalam tanah serta air, yang mengakibatkan **pencemaran** dan juga **masuk ke dalam sistem pernafasan manusia**.

5. **Bahaya polistirena** pula seringkali dikaitkan dengan kesan bekas polistirena apabila diisi dengan makanan atau minuman panas. Penggunaan seperti ini menghasilkan **bahan kimia yang boleh mengancam kesihatan manusia** dan banyak dikaitkan dengan penyakit seperti kanser dan penurunan tahap kesuburan.
6. Kementerian Wilayah Persekutuan turut prihatin tentang **risiko penggunaan straw**

**plastik** yang juga mengundang kepada **pencemaran dan masalah kesihatan.** Tahukah tuan/puan bahawa beg plastik, *straw* plastik dan bekas polistirena yang **dibuang secara berleluasa** bukan sahaja **meningkatkan kos pelupusan sisa pepejal,** malahan akan **memasuki longkang-longkang** dan **sistem perparitan,** yang akan menyebabkan ianya **tersumbat dan menyumbang kepada berlakunya banjir kilat.**

7. Untuk itu, penggunaan plastik dan polistirena seharusnya dibendung dari sekarang supaya kesan negatifnya tidak berlarutan untuk jangka masa panjang. Bagi merealisasikan hasrat ini, Kementerian Wilayah Persekutuan, menerusi Pelan Tindakan Teknologi Hijau Wilayah Persekutuan **memberi fokus utama terhadap inisiatif pelaksanaan penggunaan produk**

**biodegradasi** di seluruh Wilayah Persekutuan, meliputi Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

**Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

8. Untuk makluman, **Seminar Penyelarasan dan Penguatkuasaan Penggunaan Produk Biodegradasi** pada hari ini diadakan susulan daripada **keputusan Jemaah Menteri** pada 18 Julai 2018 yang telah bersetuju supaya **penggunaan produk biodegradasi dan *compostable*** diteruskan dan dikuatkuasakan di Wilayah Persekutuan.
  
9. Pelbagai **program kesedaran dan *engagement*** bersama pihak awam serta pemain industri telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian. Antaranya seperti **Program Turun Padang (TUPA), taklimat** bersama pihak berkepentingan, **lawatan** ke kilang-kilang

dan premis serta mengadakan **pameran** berkaitan dengan produk biodegradasi.

10. Kesemua program ini diadakan khusus untuk **menyuntik kefahaman dan kesedaran rakyat** mengenai penggunaan produk biodegradasi, termasuk larangan penggunaan *straw* plastik. Ini adalah salah satu usaha Kerajaan bagi memastikan pengguna mendapat maklumat yang tepat mengenai material dan kualiti produk biodegradasi di pasaran.
  
11. Untuk makluman tuan/puan, **inisiatif ini telah dimulakan** oleh Kementerian Wilayah Persekutuan **sejak 1 Jun 2016**, manakala **penguatkuasaan terhadap penggunaan produk biodegradasi bermula sejak 1 September 2017**. Bagi larangan penggunaan ***straw* plastik, penguatkuasaannya akan dibuat** bermula

**1 Januari 2020.** Dalam tempoh sekarang hingga akhir tahun 2019, ia merupakan tempoh 'pengenalan' untuk memupuk kesedaran pengguna terhadap kesan negatif daripada penggunaan *straw* plastik.

12. Baru-baru ini, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui DBKL telah mengadakan **pemantauan di pusat-pusat membeli belah** di Kuala Lumpur. Hasil daripada pemantauan dan operasi yang dijalankan, terdapat **beberapa isu penting telah diambil perhatian** oleh Kementerian Wilayah Persekutuan, yang juga amat signifikan untuk makluman bersama. Antaranya:

i) **Kurangnya komitmen pengurusan pusat membeli belah** untuk menasihati dan **mengambil tindakan terhadap penyewa yang gagal menggunakan produk biodegradasi** di outlet atau premis



mereka. Pihak pengurusan sepatutnya lebih bersedia dan menyokong penuh polisi penggunaan produk biodegradasi ini;

- ii) Terdapatnya pengurusan pusat membeli belah yang **membenarkan penyewa menggunakan produk plastik yang tidak mendapat pensijilan SIRIM** seperti yang ditetapkan. Mereka juga didapati menggunakan produk plastik jenis oxo dan photo-biodegradable yang dilarang penggunaannya di Wilayah Persekutuan. Ini telah **melanggar syarat-syarat lesen** yang ditetapkan kepada premis. Kegagalan pihak yang terlibat boleh menyebabkan mereka **dikenakan tindakan undang-undang**; dan

- iii) Kementerian Wilayah Persekutuan turut **menerima aduan** bahawa terdapat

syarikat pengilang dan pengedar yang telah **menyalahgunakan logo Kementerian Wilayah Persekutuan** dengan **mencetak logo berkenaan pada produk-produk plastik biasa, plastik oxo dan plastik *photo-biodegradable***. Pihak Kementerian memandang serius perkara ini dan akan terus **menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan** di premis-premis perniagaan yang terlibat.

**Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

13. Hasrat Kementerian Wilayah Persekutuan adalah supaya **semua pihak yang terlibat**, terutamanya syarikat-syarikat pengilang, rakan pengedar, pemilik premis dan juga pengguna **dapat memberikan kerjasama serta komitmen yang tinggi** dalam menyokong serta melaksanakan inisiatif ini.

14. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan **tahniah kepada pihak pembekal dan pengedar produk biodegradasi** yang telah menyokong sepenuhnya inisiatif murni ini.
  
15. Harapan saya semoga **seminar pada hari ini dapat meningkatkan informasi, ilmu dan kefahaman** kepada semua tentang inisiatif yang sedang dijalankan. Semoga inisiatif ini akan berterusan dan mendapat sokongan semua pihak, termasuk pengguna bagi memastikan kelestarian dan kesejahteraan Wilayah Persekutuan terjamin dan terjaga sepenuhnya.

## **Penutup**

16. Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada

Jawatankuasa Penganjur seminar pada hari ini, wakil-wakil Kementerian, DBKL, rakan-rakan strategik, agensi-agensi, persatuan, pihak pengurusan premis dan wakil-wakil daripada persatuan penjaja, pasar malam dan seterusnya kepada semua peserta yang hadir memberikan sokongan dan komitmen dalam menjayakan seminar pada hari ini.

17. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini **merasmikan Seminar Penyelarasan Dan Penguatkuasaan Penggunaan Produk Biodegradasi Di Wilayah Persekutuan.** Sekian, Wabillahi Taufik Wal hidayah, Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.